

08 SEP 1996  
Anwar-Budaya  
ANWAR SARAN WUJUD BUDAYA CAPAI KECEMERLANGAN

KUALA LUMPUR, 8 Sept (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, satu budaya untuk mencapai kecemerlangan bagi individu, keluarga dan masyarakat hendaklah dipupuk di kalangan generasi muda agar ia menjadi budaya untuk semua.

"Dalam pertemuan dengan para pelajar lazimnya kita tanamkan semangat dan kesedaran supaya budaya hendak mencapai tahap madinah dan fazilah, iaitu satu keadaan yang sempurna dan baik sebagai satu budaya kerana kita tidak boleh hidup tanpa budaya," katanya.

Anwar berkata demikian ketika menyampaikan Amanat Negara II anjuran Majlis Eksekutif Pelajar Malaysia di United Kingdom, (UKEC), di sini, petang ini.

Menurut Anwar, bila dibicara tentang multi-media, soal negara maju, Wawasan 2020 yang dianjurkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, perkara sebenarnya yang dibicarakan ialah langkah-langkah tambahan untuk mencapai kecemerlangan bagi individu, keluarga dan masyarakat.

"Yang perlu disemai di kalangan generasi muda ialah kesungguhan untuk memperbaiki diri dan memperbetulkan kepincangan yang terdapat dalam masyarakat kita," katanya.

Anwar berkata generasi muda juga mesti memiliki minat untuk mendisiplinkan diri di samping mempunyai keyakinan untuk melakukan kebaikan ke arah mencapai kecemerlangan dalam hidup.

Dalam hubungan ini, katanya, rakyat Malaysia harus sanggup menerima perubahan dengan generasi muda seharusnya menjadi pemangkin dan janganlah membuat andaian bahawa perubahan itu sesuatu yang mudah atau perubahan itu mesti dipelopori atau diterokai oleh golongan terpelajar atau pintar sahaja.

"Soal keghairahan atau keinginan untuk berubah dan keengganan untuk berubah bila dirasakan tidak berkaitan dengan kepentingan sendiri mestilah disingkir," katanya.

"Umumnya keengganan untuk merubah dikaitkan dengan orang kampung dan masyarakat tradisional manakala mereka yang bijak dan pintar umumnya dikaitkan dengan semangat keghairahan untuk berubah," katanya.

Oleh demikian, beliau mengingatkan seseorang itu harus ada sifat tawaduk dalam menunjukkan keinginan untuk berubah bagi mencapai kecemerlangan.

Tanpa sifat tawaduk seseorang itu tidak dapat sesuatu yang lebih dan tidak bersedia untuk mendengar lagi kerana sudah menganggap dirinya terlalu hebat, katanya.

"Tanpa tawaduk kita merasakan diri kita terlalu gagah, mungkin disebabkan pengaruh, kekayaan, darjat dan kebangsawanan kita maka kita tidak boleh turun untuk menyelami pandangan serta kegelisahan umat dan masyarakat," katanya.

"Sebab itu sifat untuk menangani perubahan, keperluan untuk menyelami maklumat tambahan dan menggali khazanah yang ada mesti terpancar daripada keinginan untuk mempelajari dan menerima maklumat berdasarkan kepada pengakuan bahawa masih ada yang kurang pada kita," katanya lagi.

Anwar berkata merasakan kekurangan tidak bermakna seseorang itu kecil, rendah dan hina kerana orang yang menerima kenyataan itu menunjukkan bahawa ia bermaruah dan berprinsip dalam hidupnya dan sanggup menerima hakikat kelemahannya untuk terus mencapai kemajuan yang lebih. -- BERNAMA

ZAB PR

